04 OCT 2001
MAHATHIR-TELCOS
MAHATHIR: KERAJAAN TAK MUNGKIN LELONG LESEN 3G

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Kerajaan tidak mungkin melelong lesen-lesen generasi ketiga (3G) kepada syarikat-syarikat telekomunikasi (telcos), kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata kerajaan belum lagi membuat keputusan mengenai bagaimana lesen-lesen 3G akan dikeluarkan kepada telcos kerana ia masih lagi mengkaji sebilangan isu berkaitan.

"Kerajaan percaya bahawa mendapatkan wang terlebih dahulu bukanlah begitu penting sekali. Memperolehi semua kejayaan di masa akan datang adalah apa yang penting kepada kita," beliau memberitahu sesi dialog di sini dengan ketua-ketua pegawai eksekutif (CEO) di negara ini.

3G adalah rangkaian telefon mudah alih generasi akan datang yang membolehkan video, audio dan data dihantar pada kelajuan lebih pantas daripada rangkaian-rangkaian telefon mudahalih hari ini.

Dr Mahathir berkata kerajaan mahu memastikan bahawa telcos yang akhirnya memperolehi lesen 3G akan masih memperolehi keuntungan supaya pihak berkuasa akan mengenakan cukai kepada mereka kelak untuk menjana hasil kerajaan.

Perdana menteri berkata pengalaman dengan lelongan lesen 3G di pasaran-pasaran seberang laut setakat ini adalah bahawa telcos membuat tawaran yang besar, dengan itu mengakibatkan kosnya meningkat dan mereka kini sedang bergelut.

April lalu, Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Chia Kwang Chye berkata kepurusan kerajaan mengenai memberi lesen 3G hanya akan dilaksanakan menjelang akhir tahun ini.

Dr Mahathir juga berkata sementara penggunaan 3G belum lagi meluas di seluruh dunia, terdapat teknologi jalur lebar tanpa wayer yang juga boleh membuat komunikasi yang mudah dan pantas tetapi pada kos yang terlalu tinggi.

"Bentuk komunikasi ini memerlukan pemasangan antena untuk menjangkau ke seluruh dunia," katanya. "Malangnya kita dihalang oleh syarikat-syarikat telekomunikasi yang telah melabur banyak dalam talian darat dan tidak begitu berminat dalam komunikasi tanpa wayer ini."

Beliau berkata kerajaan telah melindungi pelaburan talian darat syarikat-syarikat ini selama ini tetapi dengan teknologi bergerak begitu pantas, kerajaan percaya bahawa Malaysia tidak boleh maju jika ia ketinggalan dengan prasarana telekomunikasi yang ketinggalan zaman.

Kabinet, katanya, membincangkan perkara ini semalam supaya negara boleh bergerak ke hadapan lebih pantas.

"Kita percaya kita perlu membuat langkah yang mungkin menyebabkan sesetengah syarikat telekomunikasi menanggung sedikit kerugian (ke atas pelaburan darat mereka) tetapi ia (teknologi jalur lebar tanpa wayer) adalah perlu," tegas beliau. -- BERNAMA

MAD SHY OS